



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN

JABATAN PERDANA MENTERI

BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BULAN NOVEMBER 2017

Tarikh : 29 NOVEMBER 2017 (RABU)

Masa : 8.30 PAGI

**Tempat : AUDITORIUM JPM
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
A.	Pendahuluan	5
B.	Menelusuri Kejayaan-kejayaan JPM Sepanjang 2017	9
C.	Tema Perhimpunan Bulan Disember 2017 “Saya Sayang JPM”	13
D.	Baitulmaqdis: Malaysia akan suarakan bantahan di PBB	15
E.	5 Prinsip Pentadbiran Kerajaan Di Bawah Pimpinan Najib Razak	18
F.	Penutup	23

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakaatuh,

Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia,

Terima kasih kepada saudara-saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan,
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) JPM,

Yang Berbahagia Encik Zakaria Bin Shaaban,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berbahagia Datuk Almalena Sharmila Binti Dato' Dr. Johan,
Penasihat Undang-undang JPM,

Yang Berusaha Puan Shobah Binti Jamil, Setiausaha Bahagian, Bahagian
Khidmat Pengurusan, selaku penganjur majlis pada kali ini;

dan

Yang Berbahagia Ustaz Dato' Abu Hasan Din Al-Haffiz,
selaku penceramah jemputan kita pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Setiausaha-Setiausaha Bahagian,

Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin hadirat yang dikasihi
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah bersyukur kita kepada Yang Maha Esa kerana berkat limpah rahmatNya dapat kita bersua sekali lagi di Perhimpunan Bulanan JPM bagi bulan Disember 2017 anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan.
2. **Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada para penerima Anugerah Penjawat Cemerlang Bagi Bulan November 2017.** Semoga pengiktirafan ini akan dijadikan motivasi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus komited melaksanakan tugas harian serta dapat menyuntik semangat kepada semua warga kerja JPM untuk terus beristiqamah dan bersama-sama dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan lebih cemerlang dan gemilang.
3. **Tahniah juga diucapkan kepada Peminjam Paling Aktif Perpustakaan JPM bagi bulan November 2017.** Secara langsung, membaca dapat memperkukuh perbendaharaan kata dan penguasaan linguistik pembaca di samping menambah fakta-fakta yang baru dan memperlengkap fakta sedia ada. Saya berharap budaya minat membaca dapat diterapkan dalam kalangan warga JPM kerana pencapaian sebuah negara maju bukan sahaja diukur dari segi pendapatan, ekonomi dan pembangunannya semata-mata tetapi juga memerlukan rakyat yang berilmu.
4. **Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para penerima cermin mata percuma sumbangan Pejabat Perdana Menteri bersempena dengan Program Kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan JPM. Semoga dengan sumbangan cermin mata untuk tujuan membaca jarak dekat ini dapat memberi manfaat kepada 246 orang warga JPM dan ahli keluarga JPM yang memerlukan dan sekaligus menunjukkan keprihatinan dan cakna rakyat oleh JPM termasuk Pejabat Perdana Menteri dalam hal-hal kebajikan warga JPM khususnya.**
5. **Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan selamat datang kepada warga baru JPM yang telah melaporkan diri sama ada lantikan baru dalam**

perkhidmatan awam mahupun yang bertukar daripada Kementerian atau Jabatan lain. Diharapkan tuan-tuan dan puan-puan warga baru JPM dapat mencurahkan khidmat bakti cemerlang tuan/puan dengan penuh iltizam dan dedikasi bagi merealisasikan semua inisiatif yang terkandung dalam agenda transformasi Perkhidmatan Awam. Budaya dan disiplin kerja di tempat yang lama boleh diaplikasikan di JPM sekiranya ia boleh memberi nilai tambah.

6. **Pada masa yang sama, saya berterima kasih dan mengucapkan selamat maju jaya kepada warga kerja JPM yang telah bertukar mahupun yang telah bersara.** Tahniah kepada yang telah bertukar atas sebab kenaikan pangkat dan semoga dapat menimba pengalaman di tempat yang baru. Seterusnya kepada yang telah bersara, didoakan supaya sentiasa diberkati dan dilimpahi rahmat oleh-Nya dalam apa jua bidang yang bakal diceburi. Segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai jua.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

MENELUSURI KEJAYAAN-KEJAYAAN JPM SEPANJANG 2017

7. **Hari ini genaplah 144 hari saya memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.** Pada pandangan peribadi saya, tanpa sokongan padu dan komitmen semangat kerja berkumpulan yang tinggi daripada semua warga JPM, kita tidak akan dapat mengekalkan kejayaan dan budaya kecemerlangan yang diamalkan di JPM demi memberikan perkhidmatan penyampaian yang terbaik kepada rakyat Malaysia. Bertepatan dengan lirik lagu yang telah dipersembahkan oleh pasukan bicara berirama BKP sebentar tadi berbunyi seperti berikut:

***Gemuruh Jiwa Semangat Membara,
Dari Puncak Ingin Ke Angkasa,
Berkalungkan Bintang Berkelipan,
Menyerlah Jauh Dari Yang Biasa...***

8. **Diharapkan ianya dapat membugarkan serta menyemarakkan lagi semangat kita semua untuk terus memberikan taat setia kepada Kerajaan yang memerintah dan memberikan yang terbaik** khususnya dalam kerja yang diamanahkan pada kita tanpa mengharapkan ganjaran duniawi sahaja malah ganjaran ukhrawi juga.
9. **Setahun kita menelusuri tahun 2017, terdapat banyak pencapaian dan anugerah yang diterima oleh Agensi/Bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri.** Ini membuktikan bahawa setiap usaha dan komitmen yang kita lakukan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan luar biasa. Ini merupakan pengiktirafan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dalam sistem penyampaian Kerajaan. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada warga JPM. Semoga pencapaian dan anugerah ini akan menguatkan tekad kita untuk terus menyumbang bakti dan kepakaran seterusnya memartabatkan perkhidmatan awam di Negara kita.
10. **Antara pencapaian dan anugerah yang berjaya diterima oleh Jabatan Perdana Menteri sepanjang tahun 2017 ialah:**
- **Anugerah Pengurusan TASKA PERMATA Cemerlang 2017;**
 - **Sijil Perakuan PERMATA Q;**
 - **Anugerah Dokumentasi TASKA PERMATA Cemerlang 2017;**
 - **Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian / Jabatan Tahun 2016 kepada Bahagian Audit Dalam , Jabatan Perdana Menteri;**
 - **Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016;**
 - **Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Wilayah Persekutuan;**
 - **Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2016;**
 - **Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) - Kategori Baik;**

- **Anugerah Penarafan Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia 2017;**
- **Anugerah Amalan Terbaik Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Dalam Pembangunan Personel; dan**
- **Penerimaan Ganjaran Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT)**

Kejayaan-kejayaan ini diharap dapat dijadikan pemangkin kepada semua warga JPM untuk terus berusaha dengan penuh komitmen dan konsisten serta ditunjangi idea yang kreatif dan inovatif demi kelangsungan kecemerlangan JPM pada masa akan datang.

YBhg Datuk-Datuk, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

TEMA PERHIMPUNAN BULAN DISEMBER 2017 “SAYA SAYANG JPM”

11. **Saya dimaklumkan oleh pihak penganjur bahawa tema perhimpunan yang dipilih pada kali ini ialah “Saya Sayang JPM”** sepertimana merujuk kepada persembahan bicara berirama (*choral speaking*) oleh pasukan koir sebentar tadi, JPM kini telah pun berusia 60 tahun, bermula pejabatnya dari Jalan Dato’ Onn ke Putrajaya kini. Justeru bertepatan dengan tema dan tagline ini, sesungguhnya ianya bertujuan bagi meningkatkan perasaan sayangkan Jabatan di mana kita berkhidmat dan seterusnya sayangkan pentadbiran Kerajaan yang memerintah dan akhirnya sayangkan agama, bangsa dan Negara kita yang tercinta. Marilah kita semua berdoa semoga JPM menjadi organisasi yang terbilang dan terus menyumbang.
12. Saya juga menyeru kepada hadirin warga JPM semua untuk teruskan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada stakeholders berteraskan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme. Walaupun pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal kita hadapi, kita perlu kekal utuh bersatu sebagai 1JPM dan bangga untuk berkhidmat demi Bangsa dan Negara.

Hadirin hadirat sekalian,

BAITULMAQDIS: MALAYSIA AKAN SUARAKAN BANTAHAN DI PBB

13. Seperti yang umum sedia maklum, dunia telah digemparkan dengan pengumuman oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada 6 Disember yang lalu yang mana beliau mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel. Susulan itu banyak rakyat Negara di dunia ini terutamanya negara-negara Islam membantah sekeras-kerasnya pengiktirafan ini termasuk juga negara kita dan pada 13 Disember 2017, satu Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) mengenai konflik terkini Palestin-Israel yang dihoskan oleh Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan di Istanbul Turki telah diadakan.
14. Hasil sidang kemuncak berkenaan, seluruh pemimpin negara OIC seramai 57 orang termasuk Perdana Menteri kita, YAB Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak telah bersepakat sebulat suara mengiktiraf Timur Baitulmaqdis sebagai ibu negara Palestin dan menggesa masyarakat dunia untuk mengambil tindakan sama. Persidangan itu juga mengisytiharkan tindakan Trump mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, 'tidak sah dan terbatal dari segi undang-undang' dan 'satu cubaan melemahkan semua usaha damai' serta menggalakkan 'ekstremisme dan keganasan'.
15. Terkini, Perdana Menteri kita semasa lawatan ke Maldives pada 20 Disember juga menyatakan bahawa Malaysia akan menyuarakan pendirian tegasnya menolak pengisytiharan unilateral Amerika Syarikat berhubung isu Baitulmaqdis di Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB). Beliau juga menyokong usul Mesir yang menolak pengisytiharan unilateral Amerika Syarikat yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel. Walaupun Malaysia bukan anggota Majlis Keselamatan PBB, tapi sebagai anggota PBB, Malaysia berhak tunjukkan pendiriannya.
16. **Justeru, dikesempatan ini saya menyeru dan mengajak hadirin semua untuk bersatu hadir ke Himpunan Perdana Solidariti Selamatkan**

Baitulmaqdis di Masjid Putra, Putrajaya pada jam 12.00 tengahari ini bagi menyemarakkan semangat kita dalam memberikan sokongan terhadap isu Baitulmaqdis agar ianya terus kekal berada di bawah penguasaan umat islam. Semoga usaha murni kerajaan Malaysia ini akan menghasilkan impak yang besar kepada solidariti umat islam di seluruh dunia terhadap isu Palestin dan Baitulmaqdis.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

5 PRINSIP PENTADBIRAN KERAJAAN DI BAWAH PIMPINAN NAJIB RAZAK

17. Untuk makluman hadirin semua, Pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato Sri Mohd Najib Abdul Razak dan kabinet sejak 2009 sentiasa bertunjangan 5 Prinsip yang berfungsi sebagai penunjuk arah dalam memacu negara kepada kejayaan. Pada pandangan saya, 5 prinsip ini perlu untuk kita hayati dan kita jadikan pegangan dalam memastikan kita sentiasa berdiri teguh dan menunjukkan wala' kita kepada pemimpin dan Kerajaan yang memerintah dalam menentukan masa depan dan kejayaan yang hendak dicapai.

Prinsip Pertama: Ekonomi

18. YAB PM memberi banyak fokus ke arah memastikan ekonomi kita terus kukuh dan berdaya saing. Antara langkah pertama yang beliau laksanakan adalah memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi, atau ETP bagi memacu transformasi dan pertumbuhan ekonomi negara. Semenjak itu, ekonomi Malaysia telah melangkah tapak demi tapak lebih kukuh, dan kita berjaya mengharungi ketidakstabilan ekonomi dunia hasil perancangan teliti Kerajaan dan kesanggupan kita melaksanakan apa yang perlu dan bukan apa yang popular.

Prinsip Kedua: Global

19. Menerusi dasar dan pendekatan yang kita laksanakan, kita berterusan mempunyai pengaruh yang kuat di persada antarabangsa. Antara lain,

Malaysia telah berjaya dipilih sebagai Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tempoh 2015 hingga 2016, memainkan peranan penting dalam isu kemanusiaan global seperti Isu Rohingya, Palestin, selain terus menjalinkan hubungan baik dengan hampir kesemua negara di dunia. Hasil daripada hubungan baik ini, kita berjaya meningkatkan pelaburan asing ke Malaysia, menambah kuota Haji, dan bermacam-macam lagi.

Prinsip Ketiga: Berwawasan

20. Pemimpin-pemimpin negara sentiasa perlu memikirkan dan melaksanakan yang terbaik bukan sahaja ketika mengetuai negara, tetapi lebih daripada itu, untuk generasi dan waris negara di masa hadapan. Lantas, YAB PM memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 untuk kita merencana bukan sahaja apa yang perlu dilakukan, tetapi juga bagi mendengar aspirasi dan harapan rakyat mengenai masa depan Malaysia yang kita cintai ini.

Prinsip Keempat: Rakyat di Hati

21. Segala apa yang kita lakukan, YAB PM sering menekankan bahawa ia perlulah mengambil kira kepentingan rakyat. Rakyat perlu sentiasa Didahulukan. Program Transformasi Kerajaan diperkenalkan berdasarkan kepada hasrat dan keinginan rakyat. Kita juga mengambil langkah seperti memansuhkan subsidi pukal dan memperkenalkan subsidi bersasar, mengambil kira pandangan serta pendapat rakyat seperti dalam pembentukan Bajet tahunan dan juga dalam TN50 yang mengguna pakai pendekatan bottom-up serta banyak lagi.

Prinsip Kelima: Penyampaian atau “Delivery”

22. Segala apa yang kita rancangkan, perlulah disertai dengan “Delivery”, atau penyampaiannya. Alhamdulillah, di bawah Kerajaan yang memerintah sekarang, Kerajaan telah berjaya “Deliver” kepada rakyat hampir kesemua yang dijanjikan, daripada Perumahan, Projek-projek berimpak tinggi yang berteraskan kepentingan rakyat atau InfraRakyat, penyampaian kepada rakyat melalui perkhidmatan awam, Kesihatan, Pendidikan dan banyak lagi.

23. Insya-Allah, marilah kita semua berdoa agar Kerajaan kita yang ada pada masa ini di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan kabinet akan terus berpegang kepada lima Prinsip ini untuk terus memimpin Malaysia ke arah mencapai bukan sahaja impian dan cita-cita, tetapi untuk masa depan yang lebih gemilang dan cemerlang buat rakyat Malaysia kesemuanya.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

24. Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya pihak penganjur iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan bagi menjayakan program perhimpunan pagi ini dan juga kepada semua warga JPM yang telah sudi hadir ke perhimpunan pagi ini.

25. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga kerja JPM untuk terus bekerja dengan penuh komited serta berintegriti, berdisiplin, sentiasa mengamalkan semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab, berusaha mengekalkan keharmonian sepanjang masa, setia kepada organisasi dan bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan awam di negara kita ini lebih berkualiti dan berintegriti, lebih efektif dan efisien. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa JPM akan mampu menjadi sebuah agensi cemerlang sekiranya setiap warganya memberikan sokongan dan khidmat cemerlang yang tidak berbelah bagi kepada organisasi ini.

26. Di kesempatan ini saya juga memberi peluang kepada tuan-tuan dan puan-puan yang masih muda dan masih belum lagi menyambung pelajaran kepada peringkat sarjana, ambil lah peluang ini kerana saya yakin di usia muda ini tuan2 dan puan2 masih cergas, kurang komitmen dan mampu untuk belajar. Kerana usia seperti kami, orang yang dah berusia agak sukar kerana komitmen lain dan kemampuan untuk pergi jauh itu kurang.

27. Bila tunggu anak-anak dah besar keluarga semakin besar pastinya komitmen lebih besar jadi terbatas, kesungguhan yang ada, peluang yang ada lebih terganggu sedikit. Di sini saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan mengambil peluang untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.
28. Perkara ini turut disebut oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara Semasa perjumpaan bersama saya semalam supaya menggalakkan kepada orang muda untuk menyambung pelajaran supaya mereka dapat menunjukkan bakat dan mengembangkan karier mereka dan menjadi pemimpin-pemimpin atau pegawai-pegawai yang hebat dan berkaliber di masa akan datang.
29. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2018. Buat tuan-tuan dan puan-puan yang mempunyai azam tahun baru moga Allah SWT memudahkan dan memperkenankan segala urusan yang direncanakan. Untuk yang ingin bercuti saya mohon agar rancang percutian dengan sebaiknya dan setiap bahagian perlu menjadualkan cuti kakitangan masing-masing kerana urusan Pejabat dan perkhidmatan masih dilaksanakan sebagaimana biasa.
30. Saya juga berharap agar tuan-tuan dan puan-puan diberi kesihatan yang baik dan sempurna untuk melaksanakan segala tugas dan amanah yang diberikan oleh pihak rakyat dan kerajaan. Semoga bertemu lagi pada perhimpunan yang akan datang.

Wabillahittaufikwalhidayah,

Wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh

Salam Negaraku Sehati Sejiwa. Sekian, terima kasih.

22 Disember 2017